

Usah pertikai hak Melayu

Pemuda Umno tidak akan biarkan keamanan, perpaduan kaum tergugat

KUALA LUMPUR: Jangan pertikai hak orang Melayu dan kedudukan agama Islam... demikian amaran Pergerakan Pemuda Umno kepada pihak tertentu supaya tidak berterusan mempersoalkan dua isu yang sudah termaktub dalam Perlembagaan itu.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menegaskan, Pemuda Umno tidak akan membiarkan pihak berkenaan bermain api perpecahan sehingga menggugat keamanan dan perpaduan yang selama ini dinikmati rakyat pelbagai kaum.

Beliau berkata, masa depan negara

ANTARA KETETAPAN PEMUDA

MENDESAK kepemimpinan bertindak tegas dan serius dalam menangani tuntutan individu atau pertubuhan yang cuba memperlekehkan hak dan keistimewaan Melayu.

tidak boleh dipertaruhkan di tangan mereka yang bankrap idea serta mengamalkan politik perkauman untuk menonjolkan diri sebagai 'jaguh' kaumnya.

Menyampaikan ucapan dasar bertepatan 'Semangat Sang Saka Bangsa' pada perhimpunan agung pergerakan itu semalam, beliau berkata pembentukan negara Malaysia yang diimpikan tidak mungkin terbina di atas pemikiran sempit, chauvinis dan keterlaluan.

"Kita ingat siapa mereka, kita tahu di mana mereka berada dan apa yang mereka perkatakan. Kita Pemuda

Umno, sama sekali tidak gentar berhadapan dengan pemimpin oportunistis ini.

"Kepada mereka, saya ingin ulangi sesungguhnya Pemuda Umno tidak akan berkompromi dan bertolak ansur dalam soal masa depan negara.

"Kita akan pastikan tidak ada tempat bagi mereka menjadi pemimpin dalam perjuangan parti Barisan Nasional (BN)," katanya disambut tepukan gemuruh.

Dalam ucapan lebih sejam yang membakar semangat 791 perwakilan Pemuda di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)

itu, Hishammuddin menegaskan kekuatan Pemuda BN dipupuk berdasarkan keikhlasan, persefahaman tanpa rasa curiga.

"Justeru, sebarang permasalahan dan konflik hendaklah ditangani cara bersama dengan penuh jaksanaan," katanya.

Beliau bagaimanapun menggariskan Pemuda Umno agar tidak terjebak dalam politik kebencian sebaliknya kembali kepada idea

LIHAT MU

● Lagi berita dan gambar di r 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, B1 da

Sikap toleransi tinggi teras kekuatan BN

DARI MUKA 1

parti yang mementingkan kesatuan, sikap toleransi tinggi dan sifat bertanggungjawab, yang menjadi teras kekuatan BN.

Katanya, memang ada pihak yang mengintai peluang serta mengambil kesempatan menguji batas toleransi kerajaan. Malah, ada yang menggunakan pelbagai saluran dan ruang untuk menyebarkan fitnah, hasutan dan khabar angin.

"Mereka langsung tidak sensitif dengan suasana kehidupan rakyat majmuk, langsung tidak peka implikasi krisis etnik, langsung tidak endah persefahaman dan kesepakatan hidup dalam sebuah negara Malaysia yang selama ini kita warisi," katanya.

Hishammuddin berkata, Pemuda

Umno amat khuatir dengan perkembangan itu, yang menyentuh perasaan dan hati nurani orang Melayu dan umat Islam.

"Jangan sewenang-wenangnya mempromosikan, mempertikai dan mencabar kedudukan orang Melayu dan agama Islam di negara ini.

"Sebarang gerakan atas nama gerakan apa sekalipun, hatta atas nama kebebasan beragama, kebebasan bersuara atau kebebasan media tidak akan dibiarkan mencabar hak dan kedudukan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara," katanya.

Beliau menarik perhatian kepada 'Kumpulan Artikel 11' yang berkempen di seluruh negara atas alasan kononnya untuk menyedarkan rakyat mengenai hak kebebasan beragama.

Katanya, kumpulan itu jangan cuba membangkitkan isu berkaitan Ar-

tikel 11 dan Artikel 121 (A) Perlembagaan Persekutuan.

"Pemuda berpendapat bahawa apa-apa persoalan dan isu berkaitan dengan agama Islam hendaklah didengar dan diadili oleh Mahkamah Syariah dan bukannya Mahkamah Sivil sesuai dengan Artikel 121 (A) Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Mengenai cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Antara Agama, Pemuda Umno mendesak kerajaan supaya bertegas dalam perkara itu dan menolak terus cadangan penubuhannya.

Hishammuddin turut membidas kenyataan dan pandangan tidak berasas seorang pemimpin luar negara yang mempersoalkan dasar kerajaan.

"Sebenarnya kenyataan yang tidak bertanggungjawab, menghina

dan menuduh dasar-dasar kita adalah untuk menutup kelemahan dan tembelang mereka sendiri," katanya yang memetik rencana tulisan Michael D Barr dalam *Far Eastern Economic Review*, Oktober lalu bahawa berlaku diskriminasi nyata terhadap kaum bukan Cina di Singapura.

"Jelas amalan diskriminasi yang didakwa berlaku di negara ini sebenarnya berlaku dengan serius di negara mereka sendiri, kata dulang paku serpih, kata orang dia yang lebih," katanya merujuk kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew.

Pada satu forum kewangan antarabangsa di republik itu sebelum ini, Lee mendakwa Malaysia meminggirkan kaum Cina secara sistematik berikutan kejayaan masyarakat itu dalam bidang ekonomi,